



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Ulasan Berkaitan Artikel Berita Harian Bertajuk "Malaysia Ke-12 Terbawah Miliki Jalan Raya Terburuk" Bertarikh 4 Oktober 2022

Penilaian untuk menetapkan kualiti sesuatu infrastruktur seperti jalanraya mempunyai pelbagai kaedah dan faktor. Antara contohnya ialah laporan Berita Harian bertajuk "Malaysia Ke-12 Terbawah Miliki Jalan Raya Terburuk" bertarikh 4 Oktober 2022. Melalui laporan kajian bertajuk 'Worst and Best Roads - US and International Ranking' yang dijalankan firma pendidikan pemandu, Zutobi ini, ia mengambil kira 4 faktor iaitu kualiti jalan raya, peningkatan kualiti jalan raya, kematian jalan raya, dan saiz relatif rangkaian jalan raya.

Hasil daripada kajian ini telah memberikan persepsi yang kurang baik terhadap kualiti keseluruhan jalanraya di Malaysia. Kementerian Kerja Raya (KKR) berpandangan dakwaan ini tidak tepat dan mengelirukan. Ini kerana analisa yang dibuat itu hanya mengambil kira data untuk 59 negara sahaja, bukan semua negara di dunia dan fokus analisa juga bukan berdasarkan kualiti jalan, tetapi juga jumlah kematian di jalan raya akibat kemalangan dan saiz rangkaian jalan.

Namun begitu, terdapat juga satu lagi kajian sepertimana yang dilaporkan oleh media Utusan Malaysia bertarikh 10 Ogos 2022 yang menyatakan "Kualiti jalan di Malaysia 21 terbaik di dunia, mengatasi Australia, Britain, New Zealand". Menurut laporan tersebut, kajian ini dipetik daripada portal statistik terkenal antarabangsa, The Global Economy yang memperolehi data berdasarkan komponen kualiti jalan yang diterbitkan oleh Indeks Daya Saing Global. Ia turut memetik sumber sahih daripada kajian eksekutif melibatkan sejumlah lebih 14,000 tokoh dari 144 negara yang menyertai Forum Ekonomi Dunia berpusat di Davos, Switzerland.

Berdasarkan data berkenaan, tahap jalan raya negara ini adalah antara terbaik iaitu 5.3 mata daripada julat keseluruhan tujuh mata untuk posisi tertinggi dan satu mata untuk posisi paling rendah.

Menurut portal berkenaan, tahap jalan di Malaysia adalah lebih baik berbanding Sweden (ke-23), Kanada (ke-31), Australia (ke-33), Britain (ke-37), New Zealand (ke-48) dan Rusia (ke-99). Di Asia Tenggara, Malaysia menduduki tangga kedua selepas Singapura serta di atas Brunei (ke-30) Thailand (ke-56), Indonesia (ke-59), Laos (ke-84), Filipina (ke-87), dan Vietnam (ke-104).

Menurut Laporan Tahunan Statistik Kemalangan Jalan raya Polis DiRaja Malaysia (PDRM) 1991–2012 pula, terdapat 11 jenis kerosakan jalan raya yang dikenalpasti menyumbang kepada kemalangan dan secara purata, hanya 11.25% daripada kemalangan maut berpunca daripada kerosakan jalan raya manakala baki 88.75% disebabkan faktor lain.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

⊕ WWW.KKR.GOV.MY ⊖ PRO@KKR.GOV.MY ⊖ [KEMENTERIAN KERJA RAYA](https://www.facebook.com/KEMENTERIANKERJARAYA) ⊖ [KKR_MALAYSIA](https://www.instagram.com/kkr_malaysia/) ⊖ [@MOWORKS](https://www.twitter.com/@MOWORKS) ⊖ [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](https://www.youtube.com/KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Justeru, Kementerian Kerja Raya (KKR) mengambil perhatian terhadap semua laporan kajian yang diterbitkan sebagai satu kaedah semak dan imbang bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

Pelbagai komitmen berterusan dilaksanakan KKR khusus dalam menjaga kualiti jalanraya di negara ini dan dalam konteks bidang kuasa KKR, penyenggaraan ini difokuskan kepada Jalan Persekutuan dengan jumlah panjang 20,017 kilometer. Ini perlu ditekankan kerana terdapat pelbagai jenis jalanraya di bawah bidang kuasa pelbagai pihak di negara ini.

Untuk makluman, pada tahun 2022, KKR menerima sebanyak RM913,335,098.34 peruntukan sebagai kos penyenggaraan jalan raya di seluruh negara. Bagi memastikan keberhasilan daripada peruntukan tersebut, sebanyak 6,656 tampalan potholes atau jalan berlubang telah dilaksanakan sehingga Ogos 2022.

Perjanjian Konsesi berdasarkan Performance Based Contract (PBC) bagi kerja penyenggaraan jalan juga telah diadakan 16 Jun 2022 untuk tempoh sehingga Februari 2026 yang melibatkan penyenggaraan di Jalan Persekutuan di Zon Selatan Semenanjung Malaysia. Pelaksanaan kontrak ini merupakan satu pendekatan holistik dan way forward bagi kerja penyenggaraan jalan persekutuan di mana tahap prestasi perkhidmatan bagi kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh pihak syarikat dilantik, diukur melalui pencapaian terhadap KPI service level yang telah ditetapkan.

KKR juga memfokuskan kepada usaha berterusan menjaga kualiti jalan raya menerusi kempen Zeropotholes sejak 2016 dan Kempen Kita Jaga Jalan Kita yang dilancarkan pada November 2021. Selain itu, peruntukan tambahan sebanyak RM130 juta telah diluluskan bagi tujuan Perbelanjaan Pembangunan Kerja-Kerja Penyenggaraan Berkala Pavemen di Jalan Persekutuan Seluruh Malaysia secara one-off melalui surat Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 13 September 2022.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
4 OKTOBER 2022**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY 📧 PRO@KKR.GOV.MY 🌐 [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) 🌐 [KKR_MALAYSIA](#) 🌐 [@MOWORKS](#) 🌐 [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur